

20/10/1999

Arafat anggap pertemuan Syed Hamid, Levy positif

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin Palestin, Yasser Arafat, tidak memandang serong pertemuan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dengan rakan sejawatnya dari Israel, David Levy, di New York, bulan lalu.

Sebaliknya, Arafat menyifatkan pertemuan itu sebagai positif kerana memberi peluang kepada Kuala Lumpur untuk menjelaskan pendiriannya secara bersemuka dan berterus terang mengenai sokongan Malaysia terhadap perjuangan Palestin.

Arafat menyampaikan pandangan itu dalam pertemuan singkat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika singgah di sini selepas mengadakan lawatan ke Jepun dan Vietnam, kelmarin.

Syed Hamid berkata, Arafat turut menyatakan keyakinannya bahawa pertemuan itu akan memperkukuhkan lagi perjuangan Palestin.

"Arafat memandang positif pertemuan itu kerana ia memberi peluang kepada kita memberitahu Israel pendirian kita (mengenai hak Palestin) secara bersemuka, selain menerusi pelbagai forum antarabangsa," kata Syed Hamid di pejabatnya di sini, hari ini.

Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Bagaimanapun, pertemuan Syed Hamid dan Levy di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bulan lalu, dijadikan isu oleh pemimpin Pas yang mendakwa Malaysia mahu mengiktiraf secara diplomatik negara Yahudi itu.

Pada sidang akhbar itu, Syed Hamid turut mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia menyokong kuat perjuangan Palestin untuk membentuk negara sendiri.

Menurutnya, pertemuannya dengan Levy juga sebagai membuktikan bahawa Israel tersilap sekiranya menganggap negara yang menyokong Palestin, tidak berani menyatakan sokongan secara bersemuka dengan pemimpin Yahudi.

Mengenai pertemuan Dr Mahathir dan Arafat, Syed Hamid berkata, pemimpin Palestin itu turut menjelaskan mengenai halangan rundingan damai Palestin-Israel termasuk perkembangan mutakhir proses damai Asia Barat.

Arafat menerangkan mengenai kemajuan proses damai itu selepas termeterainya Perjanjian Oslo, Wye River dan Sharm el-Sheikh.

"Kedatangan Arafat memberi peluang kepada kita mengetahui proses perundingan dan kesulitan mereka mencapai perdamaian.

"Arafat memberitahu banyak perkara yang menjadi penghalang (usaha damai). Tetapi, Arafat juga memberitahu Perdana Menteri bahawa beliau komited kepada proses damai dan percaya negara Palestin bebas akan ditubuhkan sebagaimana dijanjikan," katanya.

Syed Hamid berkata, beliau juga berpeluang menemui Saeb Erikat, ketua perunding Palestin dalam proses damai itu, ketika pertemuan Arafat dengan Dr Mahathir.

"Beliau gembira menemui saya, khususnya usaha Malaysia sebagai ahli Majlis Keselamatan PBB menyuarakan pandangan mengenai isu perdamaian secara terus menerus.

"Usaha itu membolehkan Israel mengetahui bahawa Palestin mendapat sokongan negara tertentu yang dianggap memperkukuhkan kedudukan Palestin. Jadi, perjumpaan Dr Mahathir dan Arafat memberi faedah kepada perjuangan Palestin," katanya.

(END)